

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK JUMAAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR – BN]**

TARIKH : 16 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN (NO. 26)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan kementerian untuk meningkatkan mutu atlet di negeri Sabah kerana Sabah begitu banyak potensi namun tidak ada pendedahan.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara dengan kerjasama Persatuan Sukan Kebangsaan telah melaksanakan program Pelapis semenjak dari tahun 2007. Program ini merupakan di antara usaha kerajaan untuk melahirkan lebih ramai atlet-atlet remaja yang berbakat bagi peringkat umur 7 hingga 23 tahun bagi 19 jenis sukan utama.
2. Melalui pelaksanaan program ini, sebanyak 27 buah pusat latihan dengan bilangan seramai 749 orang atlet dan 36 orang jurulatih telah dikenalpasti untuk menyertai program ini di negeri Sabah. Antara sukan-sukan yang diberi tumpuan ialah Angkat Berat, Berbasikal, Memanah, Menembak, Akuatik-Renang/Terjun, Lawn Bowls, Gimnastik, Olahraga, Pelayaran, Skuasy, Tenping Boling, Taekwondo, Sepak Takraw, Tinju dan Tenis.
3. Bagi meningkatkan prestasi atlet tersebut, Majlis Sukan Negara melalui program Pelapis ini telah menyediakan beberapa pendedahan pertandingan kepada sukan-sukan sebagai medan membuktikan keupayaan dan kebolehan masing-masing. Bagi tahun 2015, sebanyak 67 kejohanan dalam negara telah dirancang untuk program pelapis negeri Sabah. Kesemua kejohanan tersebut adalah anjuran sepenuhnya oleh Majlis Sukan Negara dan tidak termasuk penyertaan mereka di kejohanan di peringkat sekolah, daerah dan juga negeri.

Sekian, terima kasih.